

BORANG SOAL SELIDIK**KAGAT: PENERAPAN NILAI DAN KEBERKESANANNYA****ARAHAN**

Kaji selidik ini adalah berhubung maklum balas mengenai latar belakang anda serta pernyataan tentang sejauh mana penerapan nilai dan keberkesanan KAGAT di dalam ATM. Anda dimohon untuk memberi kerjasama menjawab soalan dengan jujur dan ikhlas bagi membantu keberkesanan kajiselidik yang dijalankan. Segala maklumat yang diberi akan dirahsiakan kecuali bagi tujuan keperluan pengumpulan data untuk kepentingan perkhidmatan.

BAHAGIAN I - PENGETAHUAN ASAS AGAMA ISLAM

Di bawah ini adalah pernyataan berkaitan tahap pengetahuan asas agama yang anda miliki sebelum dan setelah menyertai ATM. Sila nyatakan tahap pengetahuan asas agama anda dengan cara membuat bulatan pada nilai yang bersesuaian mengikut skala berikut:

- 4 = Sangat Tahu (ST)
 3 = Tahu (T)
 2 = Kurang tahu (KT)
 1 = Tidak tahu (TT)

1. **AIR**a. **Pembahagian Air**

	<u>Sebelum Tentera</u>				<u>Masa kini</u>			
	(TT)			(ST)	(TT)			(ST)
(1) Air mutlak	1	2	3	4	1	2	3	4
(2) Air Mutanajis	1	2	3	4	1	2	3	4
(3) Air Mustakmal	1	2	3	4	1	2	3	4
(4) Air Mussamas	1	2	3	4	1	2	3	4

b. **Sukatan air dua kolah**

	(TT)			(ST)	(TT)			(ST)
	1	2	3	4	1	2	3	4

	<u>Sebelum Tentera</u>				<u>Masa kini</u>			
	(TT)		(ST)		(TT)		(ST)	
<u>NAJIS</u>								
a. Pembahagian Najis	1	2	3	4	1	2	3	4
b. Cara menyucikannya	1	2	3	4	1	2	3	4
<u>MANDI HADAS</u>								
a. Rukun Mandi	1	2	3	4	1	2	3	4
b. Niat Mandi	1	2	3	4	1	2	3	4
<u>WUDUK</u>								
a. Anggota Wuduk	1	2	3	4	1	2	3	4
b. Cara-cara mengambil wuduk	1	2	3	4	1	2	3	4
c. Doa selepas wuduk	1	2	3	4	1	2	3	4
d. Niat wuduk	1	2	3	4	1	2	3	4
e. Rukun wuduk	1	2	3	4	1	2	3	4
f. Sunat wuduk	1	2	3	4	1	2	3	4
g. Makroh wuduk	1	2	3	4	1	2	3	4
<u>ii. AZAN</u>								
a. Syarat azan	1	2	3	4	1	2	3	4
b. Sunat azan	1	2	3	4	1	2	3	4
c. Doa selepas azan	1	2	3	4	1	2	3	4
<u>iii. SOLAT</u>								
a. Bacaan dalam solat	1	2	3	4	1	2	3	4
b. Lafaz niat solat 5 waktu	1	2	3	4	1	2	3	4
c. Doa iftitah	1	2	3	4	1	2	3	4
d. Fatihah	1	2	3	4	1	2	3	4
e. Bacaan rukuk	1	2	3	4	1	2	3	4

f.	bacaan Iktidal	1	2	3	4	1	2	3	4
		<u>Sebelum Tentera</u>				<u>Masa kini</u>			
		(TT)			(ST)	(TT)			(ST)
g.	Bacaan sujud	1	2	3	4	1	2	3	4
h.	Bacaan duduk antara sujud	1	2	3	4	1	2	3	4
i.	Bacaan tahayat awal	1	2	3	4	1	2	3	4
j.	Bacaan tahayat akhir	1	2	3	4	1	2	3	4
k.	Bacaan doa qunut	1	2	3	4	1	2	3	4
l.	Bacaan wirid	1	2	3	4	1	2	3	4
m.	Bacaan doa selepas solat	1	2	3	4	1	2	3	4
n.	Perkara yang membatalkan solat	1	2	3	4	1	2	3	4
7.	<u>BAB TAUHID</u>								
a.	Mengucap dua kalimah syahadat	1	2	3	4	1	2	3	4
b.	Rukun syahadat	1	2	3	4	1	2	3	4
c.	Sifat dua puluh	1	2	3	4	1	2	3	4
d.	Perkara membatalkan solat	1	2	3	4	1	2	3	4
8.	<u>BAB SEMBAHYANG JAMA'/QASAR</u>								
a.	Niat solat Qasar	1	2	3	4	1	2	3	4
b.	Niat solat Jama'	1	2	3	4	1	2	3	4
c.	Syarat solat Jama'/Qasar	1	2	3	4	1	2	3	4
9.	<u>BAB TAYAMUM</u>								
a.	Syarat tayamum	1	2	3	4	1	2	3	4
b.	Niat tayamum	1	2	3	4	1	2	3	4

	<u>Sebelum Tentera</u>				<u>Masa kini</u>			
	(TT)		(ST)		(TT)		(ST)	
c. Batal Tayamum	1	2	3	4	1	2	3	4
d. Rukun tayamum	1	2	3	4	1	2	3	4

10. BAB HAID/NIFAS

a. Lama haid	1	2	3	4	1	2	3	4
b. Maksima haid	1	2	3	4	1	2	3	4
c. Lama wiladah	1	2	3	4	1	2	3	4
d. Maksima Wiladah	1	2	3	4	1	2	3	4

BAHAGIAN II - PENYERTAAN AKTIVITI AGAMA DI PASUKAN

Di bawah ini adalah pernyataan penyertaan anda di dalam aktiviti agama di pasukan. Sila nyatakan penyertaan anda dengan membuat bulatan pada skala yang diberikan seperti berikut:

- 5 - Sentiasa Hadir
- 4 - Kerap Hadir
- 3 - Kadang kala Hadir
- 2 - Tidak pernah Hadir
- 1 - Tidak Dianjurkan oleh pasukan

11. Menghadiri majlis tahlii/membaca Surah Yasin pada setiap malam Jumaat samada di surau pasukan atau di tempat-tempat lain :

: 1 2 3 4 5

12. Menunaikan Solat Jumaat setiap minggu :

: 1 2 3 4 5

13. Menunaikan Solat sunat Hari Raya Aidil Fitri dan Aidil Adha setiap tahun:

: 1 2 3 4 5

14. Kehadiran di dalam hari-hari kebesaran Islam sepanjang Tahun 1996/1997, seperti berikut:

- a. Maal Hijrah : 1 2 3 4 5
- b. Maulidulrrasul : 1 2 3 4 5
- c. Nisfu Sya'ban : 1 2 3 4 5
- d. Hari Raya Puasa : 1 2 3 4 5
- e. Nuzul Al-Quran : 1 2 3 4 5
- f. Isra' Mikraj : 1 2 3 4 5
- g. Hari Raya Korban : 1 2 3 4 5
- h. Majlis Khatam Al-Quran : 1 2 3 4 5

15. Menunaikan solat fardhu lima waktu secara berjamaah di pasukan:

: 1 2 3 4 5

16. Mengikuti program Khemah Ibadat anjuran pasukan sepanjang tahun 1996/1997:

: 1 2 3 4 5

17. Mengikuti Program Qiamulail anjuran pasukan sepanjang tahun 1996/1997:

: 1 2 3 4 5

18. Menunaikan solat sunat Tarawih di surau atau di tempat-tempat lain di pasukan pada bulan Ramadhan tahun 1997 ini:

: 1 2 3 4 5

19. Kehadiran dalam majlis kuliah Maghrib di masjid/surau pasukan:

: 1 2 3 4 5

20. Mengikuti kelas-kelas agama di pasukan pada waktu kerja:

: 1 2 3 4 5

BAHAGIAN III - PENGHAYATAN NILAI AGAMA

Pernyataan dibawah ini adalah berkaitan penilaian anda berhubung pekerjaan anda sebagai anggota tentera. Sila nyatakan penilaian anda dengan cara membuat bulatan pada nilai yang bersesuaian mengikut skala berikut:

- 4 = Sangat Setuju
- 3 = Setuju
- 2 = Kurang Setuju
- 1 = Sangat Tidak Setuju

21. Pekerjaan.

a. Kerja yang saya lakukan adalah satu amanah dan merupakan satu ibadah

: 1 2 3 4

b. Saya perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawab saya dengan sebaik mungkin dan bersungguh - sungguh

: 1 2 3 4

c. Saya memerlukan pengawasan yang minima dari pihak atasan di dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab saya

: 1 2 3 4

Bagi soalan berikutnya, sila nyatakan jawapan anda dengan membuat bulatan pada nombor bersesuaian mengikut skala berikut:

2 = Setuju (S)

1 = Tidak Setuju (TS)

22. Perhubungan anda dengan rakan sejawat:	Tidak Setuju (TS)	Setuju (S)
a. Sangat mesra	1	2
b. Bertolak ansur	1	2
c. Semangat setia kawan	1	2
d. Bekerjasama	1	2

23. Perhubungan pihak atasan dengan anda :

	(TS)	(S)
a. Baik/mesra	1	2

		(TS)	(S)
b.	Sentiasa memberi dorongan	:	1 2
c.	Menghargai sumbangan anda	:	1 2
d.	Merasa senang/selesa bertugas dibawah pengurusan mereka	:	1 2

BAHAGIAN IV - KEBERKESANAN PERANAN ANGGOTA KAGAT

Bahagian ini mengandungi pernyataan berkaitan penilaian anda terhadap peranan anggota KAGAT dipasukan anda. Sila nyatakan penilaian anda dengan cara membulatkan nilai yang bersesuaian mengikut skala berikut :

- 4 = Sangat Baik (SB)
- 3 = Baik (B)
- 2 = Sederhana (S)
- 1 = Tidak Baik (TB)

24. Penilaian anda terhadap keberkesanan peranan anggota KAGAT di pasukan anda :

		(TB)			(SB)
a.	Sebagai Guru Agama	:	1 2 3 4		
b.	Sebagai Penyampai ilmu/pendakwah	:	1 2 3 4		
c.	Sebagai Pembimbing /pendorong meningkatkan prestasi anda	:	1 2 3 4		
d.	Menerapkan Nilai-nilai baik/murni dipasukan	:	1 2 3 4		

e. Sebagai Sahabat : 1 2 3 4

26. Secara keseluruhan sejauh mana anggota kagat mempengaruhi dalam amalan anda seharian

: 1 2 3 4

BAHAGIAN V - PROFILE RESPONDEN

Bahagian ini mengandungi pernyataan berkaitan butiran peribadi anda. Sila bulatkan pada nombor/angka yang berkaitan bagi setiap soalan yang diberikan seperti berikut:

27. Jantina anda : 1 - Lelaki 2- Perempuan

28. Umur sekarang :
1 = 18 hingga 22
2 = 23 hingga 30
3 = 31 hingga 40
4 = 41 keatas

29. Bangsa :
1 = Melayu
2 = Cina
3 = India
4 = Lain-lain

30. Pangkat anda sekarang: 1 = Pegawai

2 = PTT Kanan

- | | | | |
|--|---|---|--|
| | 3 | = | PTT Rendah |
| | 4 | = | Pbt (Perajurit) |
| 31. Tahun perkhimatan dalam ATM : | 1 | = | Pegawai |
| | 2 | = | PTT Kanan |
| | 3 | = | PTT Rendah |
| | 4 | = | Pbt |
| 32. Tahap kelulusan akademik: | 1 | = | Tamat Drj6/Tkt 3/SRP |
| | 2 | = | SPM/MCE |
| | 3 | = | STP/HSC |
| | 4 | = | Diploma keatas |
| 33. Tahap pendidikan agama : | 1 | = | Tiada Langsung |
| | 2 | = | Tidak Formal/Di Rumah |
| | 3 | = | Surau/ Masjid /Pondok |
| | 4 | = | Sekolah Agama Kerajaan/
Swasta/Persendirian |
| 34. Taraf perkahwinan: | 1 | = | Bujang |
| | 2 | = | Berkahwin |
| | 3 | = | Duda/Janda |

Jadual 1 - Jenis Soalan Kajiselidik

Bahagian Soalan	Jumlah Soalan	Pembolehkan-pembolehkan
Bahagian I	10	Soalan berkisar kepada tahap pengetahuan asas agama, Islam sebelum memasuki tentera dan setelah menyertai tentera. Pengetahuan asas yang kemukakan adalah meliputi bab air, bab najis, mandi hadas, wuduk, azan solat/jama'/qasar, tauhid, tayamum dan bab haid/nifas. Bahagian ini bertujuan menentukan tahap peningkatan pengetahuan dari sebelum tentera dan setelah menyertai tentera. Keputusan dapat digunakan untuk merumuskan keberkesanan KAGAT didalam memberi pengetahuan agama di dalam ATM.
Bahagian II	10	Soalan berkisar kepada penyertaan/kehadiran responden aktiviti agama yang diadakan di pasukan. Keputusan yang diperolehi dapat digunakan untuk melihat pelaksanaan aktiviti agama dipasukan dan sejauh mana penyertaan responden di dalam aktiviti tersebut. Tahap penyertaan yang tinggi dapat menggambarkan keberkesanan pelaksanaan DPMRI didalam ATM.
Bahagian III	3	Soalan berkisar kepada tahap penghayatan/penerapan nilai-nilai Islam yang dipunyai oleh responden. Perolehan jumlah nilai Islam yang tinggi dapat menggambarkan Kejayaan proses penerapan nilai-nilai ini dalam ATM.
Bahagian IV	2	Soalan berkisar kepada keberkesanan peranan anggota KAGAT di pasukan. Keberkesanan ini adalah dilihat dari kacamata responden yang terlibat secara langsung dengan anggota KAGAT di pasukan. Anggota KAGAT perlu mempamerkan diri mereka sebagai pendakwah dan juga sebagai seorang anggota tentera yang komited.
Bahagian V	8	Soalan merangkumi aspek profile responden yang perlu untuk tujuan 'cross tabulation' bagi mendapatkan keputusan kajian memuaskan.

Keluaran 279]

[9]

TERHAD-RESTRICTED

Maklumat yang terkandung di dalam risalah ini tiada boleh
diberi dengan secara langsung atau tidak langsung kepada pihak
Akhhbar atau sesiapa yang tidak berhak menerimanya

PERINTAH MAJLIS ANGKATAN TENTERA

Bilangan 9 Tahun 1991

Pembahagian—*Lihat Agihan*

KANDUNGAN

**DASAR PEMBINAAN MENTAL DAN KEROHANIAN ISLAM DALAM
ANGKATAN TENTERA MALAYSIA**

**DASAR
PEMBINAAN MENTAL DAN KEROHANIAN ISLAM
DALAM ANGKATAN TENTERA MALAYSIA**

PENDAHULUAN

1. Setiap warganegara Malaysia yang beragama Islam yang masuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Tentera Malaysia hendaklah mentaati agama Islam dengan sepenuhnya dan menghayatinya dengan penuh kesedaran dan keinsafan.
2. Anggota Tentera Malaysia yang beragama Islam, selama sepanjang perkhidmatannya adalah diwajibkan menerima pendidikan khas bagi tujuan pembinaan mental dan spiritual Islam dengan bimbingan-bimbingan dan panduan-panduan tertentu yang akan dikeluarkan dari masa ke semasa.

TUJUAN

3. Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) ini membentangkan garis dasar dan kandungan program pendidikan bagi pembinaan mental dan kerohanian Islam khas untuk anggota Islam Angkatan Tentera Malaysia.

DASAR PEMBINAAN

4. Ada dua bentuk pembinaan yang dibentangkan dalam dasar ini sebagai tambahan kepada dasar latihan jasmani yang sedia ada, bertujuan melahirkan perajurit yang memiliki ketahanan fizikal, mental dan spiritual. Bentuk pembinaan tersebut adalah seperti berikut:
 - a. Ketahanan mental, melalui pengisian ilmu pengetahuan Islam yang mencukupi ilmu-ilmu fardhu ain dan ilmu-ilmu fardhu kifayah.
 - b. Ketahanan spiritual melalui latihan dan penghayatan amal Islami yang sah dan tepat.

KETAHANAN MENTAL

5. Setiap anggota Islam yang berkhidmat dalam perkhidmatan tentera Malaysia hendaklah boleh melaksanakan tuntutan fardhu ain dan fardhu kifayah dengan betul dan sempurna.
6. Menyeleweng dari ajaran agama adalah tidak diharuskan dalam Angkatan Tentera Malaysia, oleh itu selama seseorang anggota itu berkhidmat dengan perkhidmatan tentera mereka diwajibkan:
 - a. Memiliki fikiran keislaman yang matang dan mantap serta bersih dari sebarang unsur-unsur negatif juga terpelihara dari terpengaruh dengan aliran-aliran pemikiran salah yang menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenarnya.
 - b. Menerima pendidikan-pendidikan asas keislaman yang merangkumi perkara-perkara berikut:
 - (1) Pendidikan asas fardhu ain.
 - (2) Pendidikan asas fardhu kifayah.
 - (3) Pendidikan jihad.

- (4) Pendidikan kekeluargaan.
- (5) Pendidikan akhlak.
- (6) Pendidikan kepimpinan.
- (7) Pendidikan Al-Quran dan Sunnah.
- (8) Pendidikan ibadah.
- (9) Pendidikan tamaddun Islam.
- (10) Tasawwur Islam.

7. Pusat-pusat Latihan, Formasi-formasi dan Pasukan-pasukan hendaklah diwajibkan menyediakan masa tidak kurang dari 800 jam setahun untuk membolehkan anggota-anggota di bawah perintah mereka mendapat pendidikan seperti di atas.

8. Pusat-pusat Latihan Pegawai Kadet dan Rekrut adalah wajib menyediakan masa latihan selama dua minggu khusus ditumpukan kepada program pendidikan agama. Jangkamasa ini bolehlah dipecahkan sepanjang masa latihan.

KETAHANAN KEROHANIAN

9. Anggota-anggota tentera Malaysia yang beragama Islam, disepanjang perkhidmatan mereka adalah diwajibkan memiliki ciri-ciri berikut:

- a. Muslim.
- b. Mukmin.
- c. Muhsen.

10. Bagi mencapai dan memiliki ciri-ciri tersebut anggota-anggota tentera sama ada Pegawai atau Lain-Lain Pangkat wajib menyertai latihan dan pendidikan kerohanian yang diarahkan oleh pihak atasan dari masa ke semasa.

KANDUNGAN PEMBINAAN KEROHANIAN

11. Beberapa kandungan latihan adalah merupakan asas kepada pembinaan spiritual ini, oleh itu semua anggota Islam diwajibkan mengamalkannya dengan bimbingan dari anggota-anggota Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT). Kandungan-kandungan tersebut ialah:

- a. Bacaan Al-Ma'thurat.
- b. Qiamullail.
- c. Halaqat zikir (majlis zikir).
- d. Tilawah Al-Quran.
- e. Solat-solat fardhu/sunat berjamaah.

AL-MA'THURAT

12. Bacaan Al-Ma'thurat adalah menjadi asas kepada program pendidikan kerohanian ini. Oleh itu semua anggota adalah diwajibkan mengamalkannya dengan bimbingan dari anggota KAGAT pasukan.

QIAMULLAIL

13. Qiamullail adalah satu amalan kebiasaan perajurit Islam silam, oleh itu amalan ini adalah program yang amat digalakkan kepada anggota-anggota tentera. Bagi maksud ini Pegawai-pegawai Memerintah/Pemerintah adalah dikehendaki mengawasi program ini berjalan mengikut kesesuaian.

14. Selain daripada majlis tahlil dan yasin yang diadakan pada malam Jumaat, pasukan hendaklah mengadakan Halaqat zikir Al-Ma'thurat tidak kurang dari sekali dalam seminggu.


PENGA WALAN

15. Mengamal amalan-amalan yang tidak mempunyai sandaran yang sah, dan yang terkeluar dari kebiasaan seperti yang telah disepakati oleh ulama' yang muktabar adalah tidak dibenarkan dalam Angkatan Tentera Malaysia. Oleh itu jika terdapat anggota-anggota tentera yang terlibat dengan amalan yang disahkan salah, ia boleh didakwa di bawah enakmen pentadbiran hukum syara' negeri di mana anggota tersebut bertugas. Formasi-formasi dan pasukan-pasukan dikehendaki menyiarkan dalam Perintah Tetap Pasukan larangan mengamalkan amalan-amalan yang bertentangan dengan Syariah Islam di atas yang telah diputuskan oleh Majlis Agama Islam Negeri-Negeri berkaitan. Jika sabit kesalahannya ia dihukum di bawah enakmen pentadbiran hukum syarak negeri berkenaan atau di bawah AKTA ANGKATAN TENTERA 1972 kerana melanggar Perintah Tetap Pasukan.

Rujukan:

- a. MAT 293/91/K-126.
- b. KP (S) 881/2/ (20).

Dengan Perintah Majlis Angkatan Tentera



Setiausaha

20 Mei 1991

**PERUNTUKAN MASA UNTUK PELAKSANAAN DASAR
PEMBINAAN KEROHANIAN ISLAM**

1.	Aktiviti tetap malam Jumaat	1 jam × 52 minggu	=	52 jam
2.	Khutbah Jumaat	1 jam × 52 minggu	=	52 jam
3.	Khutbah Dua Hari Raya dan Takbir	2 jam × 2 hari	=	4 jam
4.	Ceramah hari kebesaran Islam	2 jam × 9 hari	=	18 jam
5.	Khatam Al-Quran	2 jam × 1 hari	=	2 jam
6.	Sembahyang berjemaah	1 jam × 365 hari	=	365 jam
7.	Khemah ibadat	3 jam × 2 hari	=	6 jam
8.	Qiamullail	12 jam × 1 kali	=	12 jam
9.	Tarawikh bulan Ramadhan	1 jam × 30 kali	=	30 jam
10.	<i>Tahlil Harijadi</i>			
	a. Harijadi ATM	2 jam × 2 kali	=	4 jam
	b. Harijadi pasukan			
11.	Kelas-kelas pengajian di surau/masjid selepas Maghrib	3 jam × 52 minggu	=	156 jam
12.	Kelas pengajian tambahan (formal—diatur oleh pasukan)	2 jam × 52 minggu	=	104 jam
13.	Bacaan risalah-risalah agama	1 jam × 52 minggu	=	52 jam
				857 jam
		JUMLAH BESAR ..	=	857 jam